

reduce

Kurangkan penggunaan! Anda tidak perlu menggunakan kesemua bahan/barangan yang diberikan kepada anda. Contohnya, di kedai mamak, anda tidak memerlukan 5 - 6 keping tisu seperti yang diberikan kerana sekeping tisu sudah memadai. Kembalikan yang berlebihan dan anda dapat menyelamatkan pokok.



Apabila membungkus makanan anda di gerai, **gunakanlah bekas makanan atau Tupperware** daripada menggunakan styrofoam. Ini kerana, styrofoam tidak dapat dilupuskan dan membebaskan bahan toksik ke dalam makanan anda!

Apabila anda membeli belah, **bawalah bakul sendiri atau beg yang boleh digunakan semula** daripada menggunakan beg plastik.



Daripada membuang kesemua barangan yang tidak diperlukan, fikirkan semula sama ada barangan sebegini dapat digunakan semula untuk tujuan lain. Cara paling baik untuk menggunakan semula barang terbuang ialah membuat nature craft. Ini bermaksud menghasilkan sesuatu yang baru dari barangan terbuang. Dengan tambahan kertas warna dan cat, **sebuah tin boleh dihasilkan kepada sebuah pemegang pensil yang cantik.** Fikirkan dahulu apa yang anda boleh buat dengan barangan sebegini sebelum anda membuangkannya.

Pelbagai jenis kertas, kadbod, plastik, kaca, tetrapak, besi, tin aluminium boleh dikitar semula. Kurangkan sampah dengan mengitar semula.



Kurangkan sampah dengan mengitar semula.



Amalan hidup 4R,2C

rethink



Fikir dahulu sebelum anda membeli. Adakah anda betul-betul perlukan? Janganlah mengambil sesuatu barangan semata-mata ia percuma. FIKIR! Adakah anda betul-betul memerlukannya? Adakah anda akan menggunakannya? Elakkan daripada dibuang ke dalam tong sampah.

Fikir sebelum anda gunakan! Adakah anda perlukan beg plastik untuk satu-dua jenis barang?



compost

Jangan sia-siakan sisa organik anda. Kulit buah-buahan dan sisa sayur-sayuran dapat dihasilkan menjadi baja dengan menanam dengan tanah dalam bekas. Dengan itu, anda dapat mengurangkan 40% daripada jumlah sampah yang dibuang.



Menguruskan sampah dengan betul bukan sahaja menjimatkan DUIT malah mengurangkan kesan perubahan cuaca serta memelihara alam sekitar kita untuk generasi masa hadapan.

Setiap orang daripada kita **BOLEH** melakukan perubahan.